

Permudah prosedur ambil anak angkat

27/11/16
ms 28

Putrajaya: Kerajaan perlu mempermudah prosedur pengambilan anak angkat dan pemeliharaan bagi memudahkan rakyat menjaga kanak-kanak ditinggalkan di rumah anak yatim.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata, prosedur pengambilan anak angkat di bawah un-

dang-undang pengangkatan ditadbir Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) manakala prosedur pemeliharaan pula ditadbir kementerian.

“Apabila mempermudah prosedur, KPWKM yakin ibu bapa ingin mengambil anak angkat atau mengambil anak pelihara tidak mengambil risiko membeli anak pada masa depan.

“Usaha itu perlu dilaksanakan bagi membolehkan negara melaksanakan konsep ‘Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) yang dimasukkan dalam pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 baru-baru ini,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Kenyataan berkenaan dikeluarkan bagi mengulas

merujuk kepada laporan bertajuk ‘Malaysia: Bayi Untuk Dijual disiarkan Al-Jazeera bermula kelmarin berhubung penjualan bayi secara dalam talian pada harga ASS1,500 (RM6,600) sehingga ASS2,500 (RM11,000).

Menurut kenyataan itu, konsep PBK mengutamakan penjagaan kanak-kanak oleh keluarga dan menjadikan

institusi sebagai pilihan terakhir kerana keluarga tempat paling baik untuk kanak-kanak membesar.

Berikutan itu, KPWKM menubuhkan dua jawatankuasa dalam masa terdekat iaitu jawatankuasa pemandu dan teknikal yang akan membabitkan pelbagai pihak berkepentingan bagi melaksanakan konsep ini.